

KAEDAH PENENTUAN SYUBHAH MENURUT PANDANGAN IMAM AL-GHAZALI

Mohd Rofaizal Ibhrain
Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhamad Ismail Abdullah
Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Penulisan ini cuba untuk melihat sepintas lalu kepada konsep syubhah dan isu-isu berkaitan sebagai jawapan kepada beberapa persoalan yang sering ditimbulkan oleh sesetengah pihak berkaitan cara bermuamalah dengan orang-orang bukan Islam yang menimbulkan pelbagai polemik dalam masyarakat atas nama syubhah. Selain itu juga wujud pihak-pihak yang mempertikaikan beberapa produk atau barang yang jelas halal hanya kerana mempertikaikan sumber, ketulusan peniaga dan khabar angin yang menimbulkan syubhah pada pandangan mereka. Tulisan ini merupakan kajian teks yang cuba untuk merumuskan konsep yang digariskan oleh Imam al-Ghazali dalam mengenalpasti perkara-perkara syubhah daripada kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Antara dapatan awal kajian ini mendapati bahawa penentuan syubhah itu adalah bidang kuasa pakar dan bukan orang awam. Sikap longgar dalam menerima perkara-perkara syubhah, dibimbangi akan membawa kepada yang haram, manakala berlebihan dalam melabelkan sesuatu perkara sebagai syubhah hanya akan mengundang kesulitan dan kepayahan.

Kata kunci: Syubhah, Imam al-Ghazali

1. Pendahuluan

Dalam sebuah hadis, baginda Nabi SAW bersabda:

الْحَلَالُ بَيْنَ، وَالْحَرَامُ بَيْنَ، وَبَيْنِهِمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ أَتَى
الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبَرَّ لِدِينِهِ وَعَرَضَهُ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ: كَرَاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحَمَىِ، يُوْشِكُ
أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حَمَىً، أَلَا إِنَّ حَمَىَ اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمٌ.

Maksudnya: Perkara yang halal itu jelas, yang haram itu juga jelas dan di antara keduanya ada perkara-perkara syubhah yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Sesiapa yang menjauhi perkara-perkara syubhah, dia telah memelihara agama dan maruahnya. Manakala sesiapa yang terjebak dalam perkara-perkara syubhah, dia umpsama seorang pengembala yang mengembala ternakannya di sekitar kawasan larangan yang dibimbangi akan tergelincir ke dalamnya. Sesungguhnya bagi setiap penguasa ada larangannya dan larangan Allah di dunia milik-Nya adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya (al-Bukhari:52, 1422H).

Hadis di atas memberi petunjuk kepada muslim untuk menjauhi perkara-perkara syubhah kerana dibimbangi akan terjebak ke dalam perkara-perkara yang haram. Meskipun perkara yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas melalui nas-nas al-Quran dan Sunnah, akan tetapi di antara kedua-duanya ada perkara syubhah atau kesamaran yang tidak diketahui oleh ramai orang.

Berkata al-Muhallab, perkara yang samar-samar antara halal dan haram tertakluk kepada dalil asal kedua-duanya. Mana-mana perkara yang ditegakkan dalil baginya, maka perkara yang samar akan disandarkan kepadanya. Kadang-kadang ada dua dalil yang saling bertentangan sehingga berlakunya kesamaran dalam pandangan hingga menyukarkan untuk melakukan *tarjih* (Ibn Battal, 2003).

Imam al-Nawawi (1392H) dalam Syarh Muslim ketika menghuraikan hadis ini menjelaskan bahawa perkara syubhah itu adalah sesuatu yang tidak jelas antara halal dan haram. Oleh sebab itu ia tidak diketahui oleh orang kebanyakan, melainkan para ulamak yang mengetahui hukumnya melalui *nas*, *qiyyas*, *istishab* atau dalil-dalil lain. Apabila suatu perkara itu terperangkap antara halal dan haram, sedangkan tiada nas mahupun ijmak yang merungkai hukumnya, maka mujtahid perlulah berijtihad dengan menyandarkan hukum kepada salah satu daripada dalil-dalil syarak.

Maka, berpandukan kepada hadis di atas, ternyata perkara syubhah itu bukanlah sewenang-wenangnya boleh diputuskan melainkan setelah ditekuni dan diperhalusi dalil-dalil yang ada serta latarbelakang masalah yang sedang dikaji hukumnya. Tentunya kelayakan untuk melaksanakan proses tersebut tidak ada melainkan pada seorang mujtahid. Oleh yang demikian, pokok persoalan yang perlu dikenalpasti terlebih dahulu adalah menentukan perkara syubhah kemudian disusuli dengan tindakan menjauhi perkara syubhah tersebut.

Akibat tidak cermat dalam mengenali perkara-perkara syubhah, timbul isu-isu halal dan haram yang berpunca daripada salah faham terhadap realiti sebenar syubhah. Ulasan-ulasan yang pelbagai juga memperlihatkan kewujudan pelbagai pandangan serta pemahaman terhadap *nas-nas* syarak berkaitan syubhah. Terdapat *nas-nas* syarak yang dihadkan kefahamannya dalam bentuk tekstual tanpa mengambil kira kerangka kefahaman *Usul al-Fiqh* dan *Maqasid al-Syari'ah*. Akibatnya, lahirlah tafsiran sempit berkenaan syubhah yang ternyata tidak bersesuaian dengan kehendak syarak serta realiti semasa yang berlaku. Kekaburuan tentang prinsip dan kaedah dalam menyelesaikan masalah syubhah juga telah mengundang pelbagai pendapat dan pandangan dalam sesuatu isu yang dibincangkan. Hakikatnya, syubhah timbul apabila sesuatu perkara dihukum sebagai haram kerana terdapat unsur-unsur persamaan dengan yang haram atau menimbulkan kekeliruan sama ada bentuk suatu muamalah itu patuh syarak ataupun tidak.

Bertitik tolak daripada permasalah yang dinyatakan di atas, maka tulisan ini cuba untuk mengemukakan pandangan salah seorang tokoh besar Islam, Hujjah al-Islam Imam al-Ghzali mengenai perkara-perkara syubhah. Apakah parameter bagi syubhah dan bilakah syubhah itu benar-benar diambil kira dalam memutuskan hukum.

2. Syubhah Menurut Imam Al-Ghazali

Imam al-Ghazali (2010) mentakrifkan syubhah sebagai *perkara yang samar-samar disebabkan berlakunya pertembungan antara dua pegangan yang timbul dari dua bukti atau sebab*.

Takrifan ini merumuskan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Perkara yang di ragukan
- ii. Sangkaan yang kuat kerana wujud;
 - a. Pertembungan antara bukti
 - b. Pertembungan antara alamat atau tanda

Menurut Imam al-Ghazali (2010) keraguan atau syak yang timbul mengenai sesuatu perkara yang tidak disandarkan kepada bukti dan alamat merupakan perbuatan was-was dan

perlu dielakkan. Syubhah berlaku disebabkan oleh alamat-alamat tertentu yang menimbulkan keraguan atau tanda tanya apabila terdapat dua bukti atau dalil yang saling bertentangan. Pertembungan antara alamat dan bukti tersebut seterusnya menimbulkan kesamaran. Kesamaran yang dimaksudkan ialah kesamaran dalam menentukan kejelasan dan kekuatan bukti atau alamat yang akan turut memberikan kesan terhadap perkara yang sedang diragui. Dakwaan kononnya berlaku syubhah tanpa disandarkan kepada bukti atau alamat tertentu merupakan was-was. Imam al-Ghazali (2010) berkomentar:

“Syubhah yang perlu dielakkan ialah syubhah yang lahir daripada syak. Syak pula akan timbul apabila berlakunya pertembungan antara dua pegangan. Oleh itu, syak yang tidak bersandarkan kepada sebab atau bukti tidak kukuh untuk menjustifikasi dua pegangan yang bertentangan, sama pada kekuatan hingga menimbulkan syak.”

Berkaitan dengan perkara ini, berkata Sheikh Tuan Muhammad Yasin (t.t):

“Dan setengah daripada was-was syaitan itu membasuh akan suatu yang tiada najis padanya hanya semata-mata waham jua seperti membasuh akan tikar dan rumah dan segala daun kayu sayuran dan buah kayu dan damar dan sirih dan kain yang baru dibeli akan dia daripada kafir maka sekalian itu bid’ah yang dicela oleh syarak dan jangan kamu sangka akan baik dan warak orang yang mengerjakan yang demikian itu dan jika ada ia alim sekalipun.”

Komentar Sheikh Tuan Yasin di atas jelas merujuk kepada tindakan sebahagian orang yang membina hukum berdasarkan persepsi tanpa justifikasi hukum yang kukuh. Jika perkara seperti ini dibiarkan, maka akan ada lebih banyak lagi perkara syubhah yang akan direka cipta hanya berdasarkan persepsi dan andaian, bukan berdasarkan dalil dan bukti-bukti yang empirikal.

3. Syubhah Berdasarkan Cerita atau Khabar Angin

Adakalanya syubhah itu lahir daripada perasaan was-was. Was-was tanpa sebarang justifikasi adalah perkara yang perlu dihindarkan kerana ia akan mendatangkan kesulitan dan menyusahkan diri. Terdapat perkara yang dianggap sebagai langkah berjaga-jaga oleh orang awam, namun tanpa sedar apa yang dilakukan itu sebenarnya telah terkeluar dari kategori warak yang dianjurkan tetapi terperangkap dalam hukum yang dicipta sendiri berpandukan persepsi dan andaian.

Kedapatan sebahagian daripada masyarakat Islam pada hari ini sering mempertikaikan makanan atau pakaian yang diproses oleh orang bukan Islam sehingga terkadang kelihatan agak ekstrem dalam menghukumkan sesuatu perkara sebagai syubhah hanya kerana diproses oleh orang bukan Islam.

Berkata Sheikh Tuan Yasin (t.t):

“dan adalah segala sahabat dan segala ulamak yang dahulu berfikir mereka itu pada menyucikan hati dari najis batin dan memudah mereka itu pada perkara yang zahir hingga saidina umar yang besar lagi tinggi martabatnya pada Allah S.W.T maka wuduk ia daripada air nasrani dan berjalan mereka itu pada jalan raya dengan tiada berkasut dan duduk mereka itu atasnya dan sembahyang di dalam masjid atas bumi tiada

hampar akan sejadah dan makan mereka itu daripada tepung gandum dan syair (barli) yang dipijak akan dia oleh binatang dan kencing atasnya dan tiada memelihara mereka itu daripada peluh unta dan kuda serta banyak berlumur dengan najis dan tiada sekali-kali soal oleh seorang daripada mereka itu daripada najis yang halus-halus maka begitulah memudah mereka itu padanya.

Syeikh Abu Muhammad al-Juwaini (Tahalahar, (t.t)):

Dan adalah Nabi Allah SAW makan akan ia jubun Syam (sejenis keju) yang dibuat akan dia oleh orang daripada ibunya anak babi begitulah masyhur pada segala manusia dan meminum ia daripada air dalam bijana kafir dan wuduk ia daripadanya, dan saidina Umar r.a sembahyang ia pada kain yang diberi orang akan dia daripada negeri yaman dan dikata orang baginya pada kain itu dicelup akan dia dengan air kencing dan berkata ia telah ditegah orang akan kita daripada mendalamkan dengan diperiksa dan sesungguhnya telah dipakai akan dia oleh orang yang terlebih baik ia daripada aku iaitu Rasulullah SAW dan wuduk ia daripada air kafir nasrani.

..(dan tersebut) dalam Iqna' dan harus memakai segala bijana kafir kitabi maka bahawasanya bijana itu seperti orang Islam kerana nabi s.a.w wudhuk ia daripada air kafir Mazadah (nama orang kafir itu) dan harus pula memakai segala bijana kafir majusi yang memandi mereka itu dengan air kencing lembu kerana mendapang akan diri mereka itu kepada Allah Taala atas qaul (pendapat) yang muktamad tetapi makruh memakai bijana mereka itu seperti pakaian mereka itu dan harus pula memakai akan segala bijana orang yang beristi'mal (sering menggunakan) dengan arak kerana tiada yakin akan najisnya tetapi makruh kerana sekalian mereka itu tiada memelihara daripada segala najis (Tahalahar, (t.t))

Petikan di atas membawa maksud apabila berlaku situasi jika pada kebiasaan akan menimbulkan tanda tanya dan keraguan mengenai suatu perkara yang berpuncak daripada amalan kebiasaan, pekerjaan, khabar angin atau amalan kebiasaan setempat maka perkara tersebut hendaklah dikembalikan kepada hukum asal selagi tidak terdapat bukti-bukti kukuh yang menyanggah hukum asal tersebut. Ini juga adalah komen dan hujah yang sama yang dikemukakan oleh imam al-Ghazali ketika berbicara mengenai persoalan percampuran antara halal dan haram apabila percampuran tersebut menyeluruh dan umum selagi tidak terdapat tanda-tanda tertentu yang menunjukkan sebaliknya.

4. Meninggalkan Suatu Perkara Atas Nama Warak

Terdapat sebahagian orang yang akan menjauhi suatu perbuatan dengan alasan warak dan berhati-hati. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali (2010) telah membahagikan warak kepada empat peringkat iaitu, pertama ialah *wara' al-u'dul* iaitu meninggalkan perkara yang disepakati oleh ulamak tentang pengharamannya. Warak kategori ini ialah meninggalkan setiap perkara haram yang jelas terdapat dalil tentang pengharamannya dan tidak terdapat

sebarang percanggahan pendapat dalam kalangan ulamak, contohnya seperti memakan daging babi.

Kedua ialah warak orang-orang yang soleh dengan maksud meninggalkan perkara-perkara syubhah yang tidak diwajibkan tetapi dilakukan sebagai langkah berwaspada seperti binatang buruan yang telah ditembak dan cedera kemudian hilang daripada pandangan dan kemudian ditemukan mati. Akan tetapi tidak dapat dipastikan apakah mati dengan sebab tembakan pemburu atau sebab lain. Warak dari kategori ini merupakan amalan orang-orang soleh. Mereka yang bersifat dengan warak ini akan meninggalkan perkara-perkara yang dihukumkan harus oleh seorang mufti berdasarkan pengamatannya yang zahir sebagai menyahut saranan daripada Rasulullah SAW dalam sabdanya:

دَعْ مَا يُرِيكُ إِلَى مَا يُرِيكُ

Maksudnya: *Tinggalkanlah apa yang meragukan kamu, kepada perkara yang tidak meragukan kamu* (al-Baihaqi:5363, 2003).

Ketiga ialah warak orang-orang bertaqwah iaitu meninggalkan setiap perkara yang tidak wujud sebarang kesamaran tentang keharusanya, tetapi dikhawatiri jika seandainya perbuatan tersebut boleh membawa kepada yang haram. Contoh seperti makan berlebihan yang dikhawatiri akan menyebabkan malas beribadat atau terluput melaksanakan kewajipan dengan sempurna.

Keempat ialah warak *al-siddiqin*. Halal bagi mereka adalah setiap perkara yang tidak menyebabkan berlakunya maksiat atau mendorong kepada maksiat. Mengambil perkara yang halal semata-mata kerana Allah, dengan tujuan mendapatkan kekuatan untuk beribadat kepada-Nya dan demi kelangsungan hidup untuk-Nya semata-mata.

Ringkasnya warak yang dimaksudkan oleh Imam al-Ghazali ialah merangkumi perkara-perkara yang jelas keharamannya. Demikian juga perkara-perkara halal yang mempunyai unsur haram yang terselindung dan perkara-perkara halal yang ditakuti membawa kepada haram termasuk juga perkara yang diputuskan halal oleh fatwa mufti berdasarkan pengamatan zahir.

Kategori yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali mengenai warak menunjukkan bahawa warak juga bermaksud meninggalkan perkara yang jelas dihukum sebagai halal, namun perkara tersebut ditinggalkan kerana dikhawatiri memberi kesan kepada hati iaitu mengundang penyakit-penyakit hati yang boleh menjauhkan diri daripada Allah SWT seperti malas, riau dan lain-lain sifat *mazmumah*.

Di bahagian yang lain Imam al-Ghazali menyarankan agar berwaspada dalam mengamalkan warak supaya tidak termasuk dalam golongan yang disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis seperti berikut:

هَلْكَ الْمُتَطَعِّمُونَ

Maksudnya: *Binasalah orang-orang yang ekstrem* (Muslim: 2670).

Golongan yang dimaksudkan oleh hadis di atas ialah orang yang terpesong kerja amalnya di dunia sedang sangkaanya dia melakukan perkara yang baik. Mereka ialah golongan yang menyempitkan diri mereka dengan bertanyakan perkara-perkara kecil atau terlalu menghalusi mengenai sesuatu dengan persoalan-persoalan yang tidak masuk akal sama ada makanan, pakaian, pekerjaan dan sebagainya sehingga menyusahkan diri mereka sendiri.

5. Kaedah Penentuan Syubhah Menurut Imam al-Ghazali

Menurut Imam al-Ghazali kesamaran hanya boleh dihilangkan dengan zan yang kuat. Zan ialah sangkaan kuat yang berfungsi untuk menghilangkan kesamaran. Zan yang kuat berlaku disebabkan oleh kelaziman sesuatu perkara seperti pakaian orang kafir yang lazimnya bercampur dengan najis, mereka memakan makanan yang tidak halal, air takungan mereka yang kebiasaannya diminum oleh haiwan seperti anjing dan kucing, bekas makanan orang kafir kerana lazimnya mereka memakan makanan yang tidak halal serta bernajis. Imam al-Ghazali (2010) seterusnya membahagikan zan yang kuat ini kepada dua jenis:

1. Zan yang kuat bersandarkan kepada tanda atau alamat yang terdapat pada perkara yang diragui.
2. Zan yang kuat yang tidak bersandarkan kepada bukti tidak mengubah hukum asal perkara yang diragui.

Contoh zan yang kuat ialah meragui kebersihan bekas makanan atau minuman orang kafir. Keraguan tersebut adalah disebabkan oleh makanan mereka yang haram dan bernajis. Walau bagaimanapun bekas makanan dan minuman mereka diputuskan kekal bersih dan boleh digunakan selagi tidak terdapat najis yang jelas pada bekas makanan dan minuman tersebut.

6. Perkara-Perkara Yang Langsung Tidak Menimbulkan Syubhah

Menurut Imam al-Ghazali (2010) terdapat perkara-perkara yang tidak sepatutnya menimbulkan syubhah sama sekali. Sebagai contoh, meragui perkara-perkara yang jelas halal secara mutlak. Halal atau haram sesuatu perkara dilihat kepada zat dan sifat sesuatu perkara sedangkan halal mutlak ialah perkara yang tidak terdapat pada zatnya atau sifat-sifatnya yang memberikan kesan haram. Begitu juga dengan haram mutlak iaitu perkara yang jelas dan tanpa syak serta ragu-ragu mengandungi sifat-sifat yang memudharatkan atau memabukkan atau dimiliki dengan cara yang haram seperti mencuri dan riba.

Penutup

Syubhah merupakan bahagian pertengahan daripada cabang hukum di antara halal dan haram. Status penentuan suatu perkara sebagai syubhah bukanlah dalam kapasiti orang awam, bahkan ia adalah urusan mereka yang berilmu dan punya kemampuan dalam melakukan penilaian. Pendirian yang longgar terhadap perkara syubhah akan menyebabkan seseorang itu jatuh kepada yang haram, manakala ekstrem dan ketat dalam menentukan status syubhah pula akan mengundang kesulitan dan kepahaman.

Persepsi bukanlah faktor penentu dalam menjustifikasi hukum. Ini kerana hukum hanya boleh ditentukan melalui dalil dan bukti-bukti yang empirikal sahaja. Sekiranya persepsi diberi ruang untuk menjustifikasi hukum, maka ia akan membuka ruang yang sangat luas kepada orang-orang yang jahil memutuskan hukum sewenang-wenangnya.

Daripada huraian syubhah yang diketengahkan oleh Imam al-Ghazali, dapat difahami bahawa syubhah hanya akan timbul apabila berlaku pertembungan di antara alamat atau tanda yang memberikan kesan kepada penentuan halal dan haram ke atas suatu perkara. Justeru, perlu ada usaha untuk mentarjihkan situasi ini dalam menentukan hukum yang muktamad. Oleh sebab itu, bukan semua pertembungan antara alamat dan tanda itu boleh dianggap syubhah. Kadang-kadang syubhah itu juga berlaku disebabkan sikap kurang cermat dalam

memahami masalah sehingga menganggap menjauhinya itu sebagai sebahagian daripada warak dalam agama.

Rujukan

- Al-Baihaqi, A. B. (2003). *Syfab al-Iman*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Li al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- Al-Bukhari, M. b. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Ghazali, A. H. (2010). *Ihya' Ulum al-Din*. Damsyik: Dar al-Faiha'.
- Al-Ghazali, A. H. (n.d.). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Al-Nawawi, A. Z.-D. (1392H). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Battal, A. a.-H.-M. (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Muslim, b. a.-H.-H.-Q.-N. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Tahalahar, T. M. (n.d.). *Majmu' Thalathu Rasail*. Pulau Pinang: Maktabah al-Haj 'Abdullah bin Muhammad Nur al-Din al-Zawi.